

# **KEPERLUAN SETIAUSAHA KOPERASI BERLESEN DALAM KOPERASI**

Aishah Ariffin

Nasibah Ahmad

Rohalinda Ahad

Nor Arma Abu Talib

*Maktab Koperasi Malaysia (Co-operative College of Malaysia)*

## **ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keperluan mewujudkan jawatan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) dalam sektor koperasi. Sebanyak 687 buah koperasi telah dipilih mewakili 310 buah koperasi besar dan sederhana serta 377 buah koperasi koperasi kecil dan mikro. Kajian ini menggunakan kaedah perbincangan Kumpulan Fokus dan soal selidik yang diedarkan melalui pos. Perbincangan Kumpulan Fokus telah dilakukan terhadap tiga buah koperasi di Melaka yang telah menggunakan lebih 10 tahun perkhidmatan kesetiausahaan daripada sebuah firma setiausaha syarikat yang sama iaitu Syarikat UMG Sdn.Bhd. Antara perbezaan yang ditemui ialah dari sudut caj yang dikenakan adalah mengikut kemampuan koperasi dan kerja-kerja yang dijalankan bergantung kepada keperluan koperasi.*

*Dapatkan kajian telah menemukan beberapa faktor yang menjadi cabaran utama kepada Setiausaha Koperasi iaitu kekangan masa menjalankan tugas-tugas Setiausaha Koperasi dengan tugas hakiki mereka, elauan yang tidak setimpal dengan bebanan kerja dan tugas setiausaha yang terlalu membebangkan. Analisis tabulasi silang telah dilakukan secara berasingan di antara Setiausaha dan Lembaga daripada koperasi besar dan kecil bagi mendapatkan maklum balas penerimaan SKB. Kajian menunjukkan bahawa kedua-dua Lembaga bagi koperasi besar dan kecil bersetuju SKB diwujudkan dengan sebahagian tugas setiausaha diambil alih oleh SKB. Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan antara Setiausaha di koperasi besar iaitu mereka tidak bersetuju SKB diwujudkan manakala Setiausaha di koperasi kecil bersetuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas Setiausaha diambil alih oleh SKB.*

**Kata kunci:** Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB), cabaran setiausaha koperasi

## **PENGENALAN**

Hasil daripada pengumpulan maklumat yang telah diperoleh daripada pihak SKM, sehingga 31 Disember 2010, hanya 60.72% koperasi sahaja dibandingkan dengan bilangan koperasi berdaftar yang menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan.

Berdasarkan fakta tersebut, gambaran awal menunjukkan Setiausaha Koperasi tidak dapat menjalankan tugas secara efisien walaupun secara umumnya, tanggungjawab pengurusan Mesyuarat Agung adalah terletak pada semua ALK, namun secara khususnya tugas pengurusan tersebut adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha seperti yang digariskan di dalam Undang-undang Kecil (UUK) 47.

Walaupun demikian, kemungkinan mewujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) ini bergantung pada keperluan sebenar gerakan koperasi. Pada masa ini, koperasi hanya menggunakan khidmat Setiausaha yang dipilih dalam kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) untuk melaksanakan tugas-tugas yang termaktub di dalam UUK 47(1).

SKB ini juga akan dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus koperasi di seluruh Malaysia dan mewujudkan koperasi yang lebih berkualiti. Dengan perkembangan perundangan koperasi yang semakin kompleks dan pembentukan perniagaan secara usahasama dalam kalangan koperasi serta di antara koperasi dengan pihak ketiga, sesebuah koperasi memerlukan seorang Setiausaha yang lebih kompeten dan berpengalaman untuk membantu menjalankan tugas-tugas Setiausaha, yang tidak bertugas sepenuh masa di koperasi yang dianggotainya.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sebagai salah seorang Lembaga Koperasi, Setiausaha menjadi penggerak utama dalam pembangunan koperasi terutamanya dalam menguruskan semua Mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh koperasi. Tugasnya sentiasa berubah mengikut perkembangan dan pembangunan koperasi. Selain tugas-tugas yang termaktub dalam Undung-undang Kecil Koperasi dan berusaha untuk memantapkan ilmu pentadbiran dan pengurusan, Setiausaha juga perlu melaksanakan tugas hakiki mereka. Keadaan ini mungkin menyebabkan Setiausaha tidak dapat melaksanakan mandat yang diserahkan oleh anggota koperasi untuk mentadbir koperasi agar berjalan dengan lebih efektif dan efisien. Ini dapat dilihat daripada statistik koperasi yang berjaya menjalankan Mesyuarat Agung dalam masa yang ditetapkan.

Oleh itu, Lembaga bertanggungjawab bagi memastikan pentadbiran dan pengurusan koperasi dikendalikan dengan teratur. Menurut Fasal 44(2)(e) Undang-undang Kecil, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan jika perlu, untuk melantik seorang pegawai bergaji tetap atau sebuah firma bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi Lembaga. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat kajian

berkaitan kemungkinan mewujudkan SKB ini untuk membantu koperasi melaksanakan tadbir urus koperasi dengan lebih cekap dan terancang.

Hasil kajian oleh Tetuan Rosman Consultancy Services Sdn.Bhd, melalui Kajian Keberkesanan Dasar Koperasi Negara (DKN) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mencadangkan supaya pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan dan melatih Setiausaha Koperasi Berlesen secara pentadbiran melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan menguatkuasakannya melalui pindaan undang-undang. Ini berikutan permasalahan yang wujud dalam kalangan Anggota Lembaga dalam mentadbir dan menguruskan hal ehwal pentadbiran koperasi.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenal pasti sama ada mewujudkan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) merupakan satu keperluan kepada gerakan koperasi;
- ii. Mengenal pasti cabaran utama kepada Setiausaha Koperasi untuk menjalankan tugas;
- iii. Mengenal pasti keperluan mewujudkan SKB sama ada membantu atau mengambil alih tugas Setiausaha Koperasi di koperasi.

## **SOROTAN KAJIAN**

Sehingga setakat ini di Malaysia masih belum terdapat kajian yang dijalankan dalam bidang Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB). Oleh kerana itu, tidak dapat sorotan kajian yang menyeluruh berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini. Walau bagaimanapun melalui perbincangan semasa kuliah antara pensyarah-pensyarah dengan kebanyakan peserta-peserta kursus di Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, ada menyuarakan bahawa mereka tidak mampu untuk menjalankan tugas-tugas setiausaha dengan sempurnanya. Antara faktor yang mengehadkan kemampuan mereka menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan adalah dari segi pengetahuan terutamanya berkenaan tugas setiausaha berkaitan kepatuhan kepada penetapan perundangan koperasi.

Menurut perangkaan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga 31 Disember 2010, hanya 60.72 peratus koperasi sahaja yang berjaya menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan berbanding jumlah koperasi yang berdaftar. Ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi koperasi yang berdaftar iaitu sebanyak 39.28 peratus tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mereka.

Melalui maklum balas daripada ALK koperasi yang menghadiri kursus di MKM, penyelidik mendapati bahawa faktor-faktor di bawah sering diperkatakan:

- i. Daftar koperasi tidak dikemas kini;
- ii. Perjanjian bertulis antara koperasi dengan pihak ketiga yang tidak menyebelahi koperasi;
- iii. Isu pertikaian koperasi tidak diketengahkan kepada pihak yang berkenaan;
- iv. Tiada skim perkhidmatan kakitangan yang wajar;
- v. Penulisan minit mesyuarat yang tidak teratur; dan
- vi. Isu-isu lain berkaitan dengan pematuhan pada perundangan koperasi yang tidak diberi perhatian.

Faktor-faktor di atas menunjukkan bahawa koperasi memerlukan Setiausaha yang berkelayakan, kompeten dan mengetahui serba sedikit tentang perundangan koperasi dan yang berkaitan dengannya.

### **Lembaga Koperasi**

Dalam sistem pentadbiran koperasi di Malaysia, koperasi ditadbir oleh seramai antara 6 hingga 15 orang Anggota Lembaga secara sukarela yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan koperasi. Koperasi digalakkan menggaji kakitangan professional secara sepenuh masa untuk menguruskan koperasi selaras dengan Dasar Koperasi Negara (DKN) iaitu menjelang tahun 2020, koperasi diuruskan oleh 80 peratus tenaga berkemahiran. Menurut kajian yang dijalankan oleh MKM pada 1984 menunjukkan 78 peratus koperasi yang dikaji mempunyai kakitangan bergaji sementara bakinya 22 peratus tidak mempunyai kakitangan bergaji. Sementara koperasi yang memiliki tenaga kerja menunjukkan lebih tiga perempat tenaga kerjanya adalah di peringkat operasi. Kajian ini menunjukkan hampir satu pertiga koperasi di Malaysia bergantung kepada Lembaga yang menjalankan tugas secara sukarela. Kajian juga menunjukkan prestasi koperasi yang mempunyai kakitangan sepenuh masa lebih baik berbanding dengan koperasi yang tidak mempunyai kakitangan sepenuh masa.

### **Setiausaha Koperasi**

Seorang setiausaha koperasi adalah anggota yang layak dilantik dalam sesuatu Mesyuarat Agung koperasi dan akan memegang jawatan untuk tempoh satu penggal iaitu tiga tahun. Menurut Fasal 47(1) UUK, tugas-tugas setiausaha koperasi adalah seperti berikut:

- (a) Memanggil dan menghadiri Mesyuarat Agung, Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
- (b) Merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
- (c) Menyenggara dan mengemas kini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
- (d) Menguruskan surat-menyurat seperti yang diarahkan oleh Lembaga;

- (e) Mengesahkan bersama pengurus salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku koperasi;
- (f) Menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor koperasi; dan
- (g) Menjalankan tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Seksyen 44(1), Akta Koperasi 1993 menyatakan bahawa Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan koperasi dikendalikan dengan teratur. Menurut Seksyen 44 (2) (e) Lembaga boleh melantik (i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau (ii) sebuah firma, bagi menjalankan mana-mana daripada tugas Setiausaha jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi Lembaga Koperasi.

### **Setiausaha Koperasi Berlesen**

Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB) boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian dan telah menghadiri program latihan kesetiausahaan yang diiktiraf oleh SKM serta berdaftar dengan SKM untuk menjalankan perkhidmatan kesetiausahaan kepada semua koperasi di Malaysia, dengan mengenakan fi yang berpatutan. SKB lebih berperanan sebagai Setiausaha Kerja Koperasi dan akan membantu Setiausaha Kehormat Koperasi untuk menjalankan tugas-tugas dengan lebih sempurna.

SKB akan menjalankan tugasnya mengikut keperluan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995, peraturan lain yang diwujudkan dan Undang-undang Kecil Koperasi sendiri. (Tetuan Rosman Consultancy Services Sdn.Bhd, 2009). Secara ringkasnya tugas-tugas kesetiausahaan koperasi bagi pihak Lembaga dan anggota akan dipertanggungjawabkan kepada SKB. SKB juga berperanan untuk memberi nasihat dan peringatan dari semasa ke semasa mengikut kehendak perundangan koperasi seperti mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas, menyerah simpan dokumen koperasi kepada SKM seperti senarai Lembaga, minit mesyuarat agung, akaun teraudit dan dokumen-dokumen lain yang dikehendaki oleh SKM.

SKB berhak mengenakan bayaran dalam bentuk yuran SKB dan juga mengenakan fi profesional bagi kerja yang beliau jalankan. Beliau juga berhak untuk meletak jawatan pada bila-bila masa jika didapati pihak koperasi tidak beroperasi mengikut perundangan koperasi atau tidak mendapat bayaran seperti dipersetujui.

Lembaga koperasi juga berhak memecat SKB jika tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan dan melantik SKB yang baru selepas itu. Kejayaan sesebuah koperasi bergantung pada faktor seperti keupayaan koperasi mematuhi kehendak perundangan koperasi serta pelbagai perundangan yang lain yang diwujudkan oleh kerajaan Malaysia.

### **Setiausaha Syarikat**

Seperti yang didefinisikan petikan daripada Internet: (*nj-management-services.blogspot.com*), Setiausaha syarikat adalah individu yang diperlukan bagi membolehkan syarikat didaftarkan sepenuhnya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), serta beliau bertindak sebagai orang tengah

di antara syarikat dan SSM dan merupakan tulang belakang yang mewujudkan syarikat bagi orang awam sama ada rakyat tempatan maupun rakyat asing. Setiausaha syarikat diperlukan bagi mengesahkan segala dokumen syarikat untuk membolehkan dokumen syarikat diterima dan sah disisi undang-undang.

Di samping itu juga beliau merupakan pegawai syarikat yang ditugaskan memberi nasihat dan peringatan kepada syarikat. Beliau berhak mengenakan imbuhan bayaran dalam bentuk yuran setiausaha syarikat dan juga mengenakan bayaran fi profesional atas kerja yang beliau jalankan. Beliau juga berhak untuk meletakkan jawatan pada bila-bila masa jika didapati pihak syarikat tidak beroperasi mengikut akta atau tidak mendapat bayaran seperti yang dipersetujui.

Pengarah syarikat juga berhak melakukan yang sama sekiranya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

## METODOLOGI

Memandangkan kajian ini merupakan kajian lapangan yang bertujuan untuk mengenal pasti sama ada SKB perlu diwujudkan untuk menjalankan tugas pentadbiran di koperasi, maka reka bentuk kajian yang dipilih ialah berbentuk kajian tinjauan (survey research). Proses kajian bermula dengan mengenal pasti pernyataan masalah kajian. Berdasarkan pernyataan tersebut, matlamat dan objektif kajian pula dibentuk. Sorotan kajian kemudiannya dilaksanakan untuk mendapat gambaran tentang aspek yang dikaji dan untuk bertindak sebagai garis panduan dalam pemilihan kaedah untuk mencapai objektif kajian. Berdasarkan sorotan kajian juga, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian dianalisis untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang perlu dilihat atau dikaji di dalam kajian ini. Seterusnya, metodologi kajian ditentukan dan soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian. Data yang dikumpul melalui soal selidik tersebut diproses dan dianalisis melalui analisis kuantitatif. Akhir sekali, dari analisis tersebut kesimpulan dibuat untuk mencapai objektif kajian.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah menjalankan ujian rintis kepada 66 orang responden yang merupakan peserta kursus Perundangan Koperasi dan Aplikasi yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi untuk mengenal pasti item-item soalan yang dikemukakan adalah relevan dengan responden kajian. Melalui kajian rintis ini, pengkaji dapat melihat tahap kefahaman responden terhadap arahan dan item-item yang terkandung dalam soal selidik. Maklum balas yang diperoleh akan digunakan untuk memperbaiki bahagian yang lemah dalam soal selidik. Daripada ujian kebolehpercayaan yang telah dijalankan, didapati item-item soalan dalam setiap bahagian soal selidik yang digunakan boleh diterima kerana nilai Alpha yang diperoleh adalah 0.711. Tahap kepercayaan yang baik dan boleh diterima jika nilai Alpha adalah lebih daripada 0.7 (Uma Sekaran, 1992).

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada koperasi (tidak termasuk koperasi sekolah) mengikut kluster yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Sampel kajian dipilih menggunakan teknik *stratified random sampling* dan kajian ini memfokuskan kepada tiga jawatan utama ALK iaitu Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari serta Pengurus koperasi.

Kerangka sampel diperoleh daripada statistik yang dikeluarkan pihak SKM sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak 8,146 buah koperasi. Sebanyak 2,135 buah adalah koperasi sekolah manakala selebihnya 6,011 buah adalah merupakan koperasi dewasa. Sampel ditetapkan dengan menggabungkan kluster koperasi iaitu kluster besar dan sederhana serta kluster kecil dan mikro. Daripada populasi tersebut, 310 buah koperasi kluster besar dan sederhana serta 377 buah koperasi kecil dan mikro telah dipilih sebagai sampel kajian melalui persampelan rawak (Uma Sekaran, 2005).

Kajian ini turut menggunakan kaedah perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion) yang dijalankan kepada tiga buah koperasi yang telah menggunakan khidmat kesetiausahaan daripada firma luar yang dilantik oleh koperasi untuk menjalankan kerja-kerja kesetiausahaan kepada koperasi berkenaan. Kaedah ini digunakan sebagai salah satu strategi bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan pengalaman daripada responden yang telah menggunakan khidmat kesetiausahaan. Ia juga akan menjawab kepada persoalan sama ada koperasi mempunyai keperluan untuk mewujudkan SKB berdasarkan pengalaman daripada menggunakan khidmat kesetiausahaan daripada firma luar.

Soal selidik yang disediakan adalah berpandukan kepada objektif kajian yang disenaraikan. Soal selidik yang telah digunakan dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A bertujuan untuk mengumpul profil berkaitan latar belakang koperasi manakala Bahagian B mengumpul profil latar belakang responden. Bahagian C merupakan soalan-soalan yang hanya dijawab oleh Setiausaha Koperasi yang merangkumi bidang tugas sebenar cabaran utama seorang Setiausaha Koperasi. Bahagian D pula mengandungi pandangan berkaitan Setiausaha Koperasi Berlesen (SKB).

Data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) version 18.0*. Kajian ini menggunakan taburan kekerapan dan peratusan untuk menentukan bilangan responden yang memberi maklum balas dan ciri-ciri latar belakang responden yang diperolehi melalui maklumat demografi responden.

Bagi menjawab objektif kedua dan ketiga kajian ini, data yang diperoleh akan dimanipulasikan bagi membolehkan ianya dibahagikan kepada tiga kategori iaitu setuju diwujudkan SKB dengan mengambil keseluruhan tugas Setiausaha, setuju diwujudkan SKB dengan mengambil sebahagian tugas Setiausaha dan tidak setuju diwujudkan SKB.


## ANALISIS

Borang soal selidik telah dihantar melalui pos kepada 1,500 buah koperasi. Sebanyak 190 buah koperasi telah mengembalikan borang yang merangkumi 402 responden individu. Borang yang telah dikembalikan mengikut kluster koperasi adalah sebanyak 118 daripada 310 buah koperasi besar dan sederhana. Manakala 72 daripada 377 buah koperasi adalah mewakili koperasi kecil dan mikro. Untuk memudahkan proses analisis data istilah koperasi besar digunakan mewakili koperasi besar dan sederhana, dan istilah koperasi kecil mewakili koperasi kecil dan mikro.

**Jadual 1:** Bilangan Borang Soal Selidik Diterima


Kluster	Sampel Koperasi	Borang yang dikembalikan mengikut bilangan koperasi	Peratusan
Besar + Sederhana	310	118	38%
Kecil + Mikro	377	72	19%

Jumlah responden merupakan Lembaga dan Pengurus yang mewakili koperasi adalah seramai 402 orang. Daripada 402 orang responden, majoriti responden iaitu seramai 264 orang menunjukkan bahawa mereka mempunyai pengurus di koperasi untuk menjalankan hal-hal pengurusan koperasi. Walau bagaimanapun, seramai 149 orang responden menjawab tidak mempunyai Pengurus koperasi. Ini menjurus kepada koperasi dalam kategori koperasi kecil dan mikro. Seramai 104 orang responden merupakan setiausaha koperasi yang merupakan tumpuan utama kajian ini. Ini diikuti oleh 85 orang responden yang memegang jawatan sebagai Pengerusi, 71 orang memegang jawatan sebagai Bendahari dan 78 orang memegang jawatan sebagai Pengurus koperasi.



**Rajah 1:** Bilangan Responden Mengikut Jawatan

Didapati masih ramai Lembaga dan pengurus yang tidak pernah menghadiri sebarang kursus di MKM iaitu seramai 78 orang responden. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat koperasi yang belum menerapkan sepenuhnya Prinsip Koperasi ke-5 iaitu pendidikan, latihan dan maklumat kepada anggota koperasi. Manakala Kursus Wajib Pentadbiran dan Perundangan Koperasi telah dihadiri oleh sebilangan besar responden iaitu 255 orang responden. Ini berikutan Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh SKM kepada semua Lembaga Koperasi sebagai prasyarat untuk memegang jawatan sebagai Lembaga Koperasi.



**Rajah 2:** Bilangan Responden yang Menghadiri Kursus di MKM Berkaitan Pentadbiran Koperasi

### Tugas dan Tanggungjawab Setiausaha Koperasi

Senarai tugas dan tanggungjawab Setiausaha koperasi dibangunkan berdasarkan peruntukan undang-undang. Pelaksanaan ini akan menggambarkan pematuhan kepada undang-undang dalam koperasi.

**Jadual 2:** Tugas dan Tanggungjawab yang Dilaksanakan oleh Setiausaha Koperasi

Tugas-tugas Setiausaha	Ya (N=104)	Peratus (%)
Memanggil dan menghadiri Mesyuarat Lembaga	102	98.8
Menguruskan Minit Mesyuarat Agung	101	97.1
Memanggil dan menghadiri Mesyuarat Agung	100	96.1
Menghantar senarai ALK kepada SKM	92	88.5
Mengesahkan bersama Pengurus salinan cabutan minit mesyuarat	92	88.5
Mengurus surat-menyrat	86	82.7
Memanggil dan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa	83	79.8
Mendapat kelulusan SKM bagi pembayaran honorarium ALK	81	77.9
Menyediakan laporan tahunan koperasi	78	75.0
Menyenggara dan mengemas kini daftar anggota	74	71.2
Mendapat kelulusan SKM sebelum melabur wang berlebihan koperasi	66	63.5
Mengkaji dan mecadangkan Pindaan UUK dan Aturan	64	61.5
Menyediakan laporan bulanan Lembaga	62	59.6
Menyelia kakitangan koperasi	60	57.7
Mendapatkan kelulusan SKM bagi pembayaran dividen melebihi 10%	59	56.7
Mencari peluang perniagaan koperasi	52	50.0
Membuat rundingan perniagaan koperasi dengan pihak luar	44	42.3
Menguruskan rujukan kes pertikaian	38	36.5
Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penentusah Draf Minit Mesyuarat Agung	24	23.1
Mendapatkan kelulusan SKM untuk membuka cawangan koperasi	23	22.1
Mendapatkan kelulusan SKM untuk menerima deposit dari bukan anggota	18	17.3

Bahagian ini hanya diisi oleh Setiausaha Koperasi sahaja, dengan tujuan untuk melihat sama ada Setiausaha Koperasi memahami tugas dan tanggungjawabnya di koperasi. Berdasarkan Jadual 2, dapatlah dirumuskan bahawa Setiausaha masih belum jelas sepenuhnya dengan tugas dan tanggungjawab Setiausaha Koperasi kerana ia hanya digariskan secara umum di dalam Undang-undang Kecil Koperasi.

**Jadual 3:** Cabaran Menjalankan Tugas Setiausaha Koperasi

Cabaran Utama	Ya (N=104)	Peratus (%)
Kekangan masa dengan tugas hakiki	64	61.5
Elaun tidak setimpal dengan beban kerja setiausaha	37	35.6
Tugas Setiausaha terlalu membebangkan	34	32.7
Tiada pengalaman dalam bidang tugas setiausaha	29	27.9
Tiada pengetahuan dalam bidang tugas setiausaha	28	26.9
Banyak terlibat dengan kegiatan kemasyarakatan	26	25.0
Banyak memegang jawatan ALK di koperasi lain	7	6.7

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan cabaran menjalankan tugas Setiausaha Koperasi secara keseluruhan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen yang paling mempengaruhi cabaran menjalankan tugas Setiausaha Koperasi ialah kekangan masa dengan tugas hakiki dengan kekerapan seramai 64 orang (61.5%). Ini disebabkan tugas Setiausaha Koperasi bukan dijalankan secara sepenuh masa oleh penyandang jawatan ini. Ia dijalankan selepas waktu bekerja yang menjadikan ia sebagai cabaran yang besar kepada Setiausaha Koperasi.

**Jadual 4:** Cabaran Utama Setiausaha Mengikut Kluster Koperasi

Cabaran Utama	Koperasi Besar	Koperasi Kecil
Kekangan masa dengan tugas hakiki	56.1%	74.1%
Elaun tidak setimpal dengan beban kerja setiausaha	30.1%	48.3%
Tugas setiausaha terlalu membebangkan	31.5%	35.4%
Tiada pengalaman dalam bidang tugas setiausaha	15.0%	58.0%
Tiada pengetahuan dalam bidang tugas setiausaha	16.4%	51.6%
Banyak terlibat dengan kegiatan kemasyarakatan	21.9%	32.2%
Banyak memegang jawatan ALK di koperasi lain	8.2%	3.2%

Jadual 4 menunjukkan *crosstab* antara cabaran menjalankan tugas Setiausaha Koperasi di antara koperasi besar dan koperasi kecil. Keputusan *crosstab* menunjukkan responden koperasi besar tidak memberikan peratusan yang tinggi terhadap cabaran yang dihadapi oleh Setiausaha Koperasi dalam melaksanakan tugas. Cabaran kekangan masa dengan tugas hakiki hanya mencatat peratusan sebanyak 56.1% (41 daripada 73 orang). Ini mungkin disebabkan responden yang berada dalam kategori koperasi besar tidak menghadapi cabaran untuk melaksanakan tugasnya di koperasi disebabkan mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran koperasi.

## Pandangan Berkaitan Setiausaha Koperasi Berlesen


Bahagian ini akan menganalisis data yang dikumpulkan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan pendapat tentang cadangan mewujudkan SKB mengikut jawatan responden iaitu Setiausaha dan Lembaga koperasi.

**Jadual 5:** Min Bagi Pendapat Mewujudkan SKB

Bil	Pendapat Mewujudkan SKB	Min (Setiausaha)	Min (ALK & Pengurus)
1	SKB akan mengurangkan bebanan Setiausaha Koperasi	3.64	3.50
2	Meningkatkan tahap ditadbir urus koperasi	3.74	3.62
3	Setiausaha Koperasi boleh memberikan lebih tumpuan kepada penyeliaan kakitangan	3.48	3.49
4	Meningkatkan tahap pematuhan perundangan	3.69	3.72
5	SKB akan memberikan gambaran pentadbiran yang telus kepada anggota	3.40	3.52
6	SKB akan menjadikan jawatan Setiausaha Koperasi tidak penting	3.05	3.03
7	Koperasi tidak mampu menampung kos perkhidmatan SKB	3.69	3.43
8	Koperasi kurang selesa dengan campur tangan pihak luar	3.68	3.45

Skala: 1- Sangat Tidak Setuju 2- Tidak Setuju 3- Neutral 4- Setuju 5- Sangat Setuju

Jadual 5 menunjukkan senarai pendapat responden tentang cadangan mewujudkan SKB. Melalui pendapat tersebut, pendapat yang paling kritikal di antara lapan pendapat yang dinyatakan melalui skor min. Daripada keseluruhan dapatan kajian, jelas menunjukkan bahawa mewujudkan SKB akan memantapkan tadbir urus koperasi.



**Rajah 3:** Mewujudkan SKB di Koperasi

Rajah 3 menggambarkan pendapat responden tentang mewujudkan SKB di koperasi. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden iaitu Setiausaha (45 orang responden) dan ALK yang lain (118 orang responden) bersetuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas Setiausaha diambil alih oleh SKB.

**Jadual 6:** Mewujudkan SKB Mengikut Kluster Koperasi

Pewujudan SKB di koperasi	Koperasi Besar		Koperasi Kecil	
	Setiausaha N=67	ALK N=158	Setiausaha N=31	ALK N=65
Setuju mewujudkan SKB dengan mengambil alih keseluruhan tugas Setiausaha	4/67 = 6.0%	11/158= 7.0%	5/31= 16.1%	7/65= 10.8%
Setuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas Setiausaha diambil alih oleh SKB	31/67= 46.3%	79/158= 50.0%	14/31= 45.2%	39/65= 60.0%
Tidak bersetuju diwujudkan SKB	32/67= 47.7%	68/158= 43.0%	12/31= 38.7%	19/65= 29.2%

Untuk memberikan rumusan yang lebih jelas, Jadual 6 menunjukkan *crosstab* antara mewujudkan SKB di koperasi dengan koperasi besar dan koperasi kecil. Keputusan ini mengasingkan pendapat daripada Setiausaha dan Lembaga untuk koperasi besar dan koperasi kecil. Keputusan *crosstab* ini menunjukkan dengan jelas responden daripada koperasi besar mencatatkan peratusan yang tinggi dalam kalangan setiausaha koperasi besar iaitu 47.7% (32 daripada 67 orang) untuk tidak bersetuju diwujudkan SKB. Keputusan ini memberikan perbezaan yang kecil dari segi peratusan yang bersetuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas Setiausaha diambil alih oleh SKB iaitu 46.3% (31 daripada 67 orang Setiausaha).

Manakala responden dalam kalangan Lembaga daripada koperasi besar menunjukkan keputusan *crosstab* yang berbeza iaitu bersetuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas diambil alih oleh SKB dengan peratusan sebanyak 50% (79 daripada 158 orang lembaga). Walau bagaimanapun, 43.0% (68 daripada 158 orang) Lembaga daripada koperasi besar masih bersetuju pendapat dengan Setiausaha untuk tidak mewujudkan SKB. Ini jelas menunjukkan bahawa tugas-tugas kesetiausahaan masih boleh diuruskan oleh Setiausaha Koperasi dengan bantuan daripada kakitangan yang mencukupi.

Keputusan *crosstab* ini berbeza dengan responden daripada koperasi kecil yang mencatatkan peratusan yang paling tinggi untuk bersetuju mewujudkan SKB dengan mengambil alih sebahagian tugas Setiausaha dengan masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 45.2% (14 daripada 31 orang Setiausaha) dan 60.0% (39 daripada 65 orang Lembaga).

### **Perbincangan Kumpulan Fokus**

Kaedah perbincangan Kumpulan Fokus (focus group discussion) telah dijalankan kepada tiga buah koperasi yang telah menggunakan khidmat kesetiausahaan daripada Setiausaha Syarikat serta Setiausaha Syarikat yang menjalankan kerja-kerja kesetiausahaan kepada koperasi berkenaan. Kaedah ini dapat memberi peluang kepada Lembaga Koperasi untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan Lembaga Koperasi serta memberi pendapat berkaitan kajian dijalankan. Manakala perbincangan dengan setiausaha syarikat tersebut dapat memberikan maklum balas berkenaan kerja-kerja yang dijalankan ke atas koperasi tersebut. Secara tidak langsung, ia dapat menjawab kepada persoalan kajian mengenai keperluan mewujudkan SKB kepada gerakan koperasi secara keseluruhan.

Koperasi yang terlibat adalah Koperasi Pekerja Majlis Perbandaran Melaka Berhad, Koperasi Pekerja-pekerja Kumpulan Sokongan Melaka Berhad dan Koperasi Kakitangan Perubatan & Kesihatan Melaka Berhad serta perbincangan dengan Pengarah Syarikat yang memberikan khidmat kesetiausahaan kepada ketiga-tiga koperasi ini. Perbincangan berdasarkan kepada soalan-soalan yang dibangunkan menjurus kepada objektif kajian.

Kesimpulan daripada perbincangan kumpulan fokus di antara koperasi dan firma setiausaha syarikat menunjukkan bahawa SKB boleh diwujudkan tetapi koperasi mempunyai pilihan untuk menggunakan perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, sekiranya koperasi menggunakan khidmat SKB, caj yang dikenakan adalah mengikut khidmat yang diberikan. Ini memerlukan satu garis panduan yang jelas tentang tugas SKB berbanding Setiausaha Koperasi.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini secara umumnya, mendapati faktor kekangan masa (61.5%), elaun tidak setimpal dengan bebanan kerja (35.6%), dan tugas setiausaha terlalu membebankan (32.7%), menjadi cabaran utama kepada setiausaha untuk menjalankan tugasnya secara berkesan. Justeru, analisis *crosstab* dilakukan untuk mendapat keputusan yang jelas iaitu cabaran kekangan masa dengan tugas hakiki bagi koperasi besar hanya mencatatkan 56.1% (41 daripada 73 orang setiausaha) berbanding koperasi kecil mencatatkan peratusan sebanyak 74.1% (23 daripada 31 orang setiausaha). Ini mungkin disebabkan responden yang berada dalam koperasi besar tidak menghadapi cabaran untuk melaksanakan tugasnya di koperasi disebabkan mempunyai kakitangan yang mencukupi. Bagi responden koperasi kecil juga menghadapi cabaran kerana tiada pengalaman dalam bidang tugas setiausaha, 58% (18 daripada 31 orang) dan tiada pengetahuan dalam bidang tugas setiausaha, 51.6% (16 daripada 31 orang). Faktor banyak memegang jawatan Lembaga di koperasi bukan merupakan cabaran kepada Setiausaha sama ada koperasi besar atau koperasi kecil kerana peratusan yang ditunjukkan adalah terlalu rendah iaitu 8.2% (koperasi besar) dan 3.2% (koperasi kecil).

Kajian juga mendapati tiada perbezaan pendapat yang signifikan antara koperasi besar dan koperasi kecil terhadap pendapat SKB akan menjadikan jawatan Setiausaha Koperasi tidak penting dan koperasi kurang selesa dengan campur tangan pihak luar sekiranya SKB diwujudkan. Ini dibuktikan dengan responden koperasi besar dan koperasi kecil tidak pasti sama ada SKB akan menjadikan jawatan setiausaha tidak penting melainkan deskripsi tugas disenaraikan secara terperinci untuk membezakan tugas Setiausaha Koperasi dan SKB. Responden daripada koperasi besar dan koperasi kecil juga cenderung untuk bersetuju dengan pendapat koperasi kurang selesa dengan campur tangan pihak luar sekiranya SKB diwujudkan.

Maklum balas penerimaan SKB oleh responden dianalisis melalui analisis *crosstab* secara berasingan di antara Setiausaha Koperasi dan Lembaga daripada koperasi besar dan koperasi kecil. Analisis maklumat responden daripada pihak Setiausaha Koperasi besar mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu 47.7% (32 daripada 67 orang) tidak bersetuju diwujudkan SKB dan terdapat perbezaan peratusan yang kecil iaitu 46.3% (31 daripada 67 orang) bersetuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas setiausaha diambil alih oleh SKB. Manakala, Lembaga daripada koperasi besar secara majoritinya iaitu 50% (79 daripada 158 orang) bersetuju mewujudkan SKB dengan sebahagian tugas Setiausaha Koperasi diambil alih oleh SKB. Keputusan *crosstab* ini berbeza dengan responden koperasi kecil iaitu Setiausaha dan Lembaga dengan mencatatkan peratusan yang paling tinggi untuk bersetuju mewujudkan SKB dengan mengambil alih sebahagian tugas Setiausaha Koperasi dengan masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 45.2% (14 daripada 31 orang setiausaha) dan 60% (39 daripada 65 orang lembaga).

Maklum balas juga diperoleh daripada perbincangan Kumpulan Fokus dengan responden daripada koperasi memberikan pendapat bahawa SKB boleh diwujudkan tetapi koperasi mempunyai pilihan untuk menggunakan perkhidmatannya dan caj yang dikenakan adalah mengikut khidmat yang diberikan. Manakala responden daripada firma setiausaha syarikat berpendapat supaya satu garis panduan yang jelas tentang tugas SKB dan Setiausaha Koperasi perlu diwujudkan sekiranya SKB ingin dilaksanakan.

Penyelidik mengenal pasti beberapa cadangan yang perlu dikemukakan iaitu:

i. Deskripsi tugas Setiausaha Koperasi dan SKB

Sekiranya SKB diwujudkan, Setiausaha Koperasi akan kekal dengan tanggungjawab yang berkaitan dengan hal pentadbiran dalaman koperasi seperti urusan surat-menyurat dan hal ehwal keanggotaan koperasi. Pihak SKM perlu menyediakan deskripsi tugas antara Setiausaha Koperasi dan SKB agar tidak berlaku pertindihan tugas.

ii. Satu mekanisme perlu diwujudkan untuk membantu koperasi kecil dan mikro apabila menggunakan perkhidmatan SKB.

Berdasarkan hasil analisis yang telah dikemukakan, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa SKB boleh diwujudkan tetapi hanya mengambil sebahagian daripada tugas Setiausaha Koperasi. Walau bagaimanapun, ia tidak melibatkan koperasi besar yang tidak menghadapi masalah dalam menjalankan tanggungjawab kesetiausahaan dengan adanya bantuan kakitangan koperasi, dan sekiranya SKB dilaksanakan, ia akan melibatkan koperasi kecil dan mikro yang perlu diambil perhatian mengenai kemampuan kewangan apabila menggunakan khidmat Setiausaha Koperasi.

## **RUJUKAN**

Akta Koperasi 1993(Akta 502) &Peraturan-Peraturan.(2011). Selangor: International Law Book Services.

Krueger, Richard A.(1998). *Focus group a practical guide for applied research*. Newbury, California: Sage Publication, Inc.

Litosseliti, Lia.(2003). *Using focus group in research*. London: Continuum.

Sekaran,Uma.(1992). *Research methods for business- A skill building approach*. (2nd Ed). United States of America: John Wiley and Sons, Inc.

Sekaran,Uma.(2003). *Research methods for business: A skill building approach*.(4rd Ed). United States of America: John Wiley and Sons, Inc.